

Bahagian B

Jawab semua soalan.

1. Nyatakan maksud tamadun berdasarkan bahasa yang berikut.

-seni;undang-undang
-madain;madana
-manusia;organisasi
-Avitas;bandar
-Hadari
-Kebenderaan;sosial;politik

(a) **Bahasa Yunani**

Perkataan tamadun (*civilisation*) diambil daripada perkataan Yunani, iaitu _____ yang bermaksud _____ atau kota.

(b) **Bahasa Inggeris**

- (i) Disebut *civilisation*, iaitu tahap pembangunan _____ dan _____ yang paling maju.
- (ii) Merangkumi pengetahuan, kepercayaan _____, moral, _____, adat dan kebolehan manusia atau organisasi.

(c) **Bahasa Arab**

- (i) Bermaksud *mudun*, _____ dan _____ yang bermaksud tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar.
- (ii) _____ bermaksud tanah atau rumah yang didiami masyarakat, tahap kemajuan dan memperoleh kekayaan.

(d) **Bahasa Melayu**

Suatu peradaban yang merujuk kepada pencapaian kemajuan masyarakat dari segi _____ serta perkembangan pemikiran meliputi bidang _____, budaya dan _____.